

Cara mudah membuat pembayaran

€ Dari V33

Konsep kampus tanpa tunai dilancar sebagai transformasi ke arah pengurusan kewangan yang lebih teratur dan membantu setiap pelajar terhindar daripada pelbagai risiko yang tidak diingini.

Pengarah Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat UniSZA, Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman, berkata pelaksanaan konsep kampus tanpa tunai itu adalah cara paling mudah untuk pelajar membuat bayaran dengan pihak yang mengambil bahagian melalui aplikasi dompet elektronik (e-wallet) yang diperkenalkan oleh Axiata Digital di bawah aplikasi 'Boost' dan boleh dimuat turun daripada App Store atau Google Play Store.

"Setakat ini, konsep kampus tanpa tunai ini akan dilaksanakan di ketiga-tiga kampus UniSZA iaitu Kampus Gong Badak, Kampus Besut dan Kampus Perubatan yang mana permulaan penggunaan e-dompet akan dibuat di Kampus

Gong Badak.

"Seramai 10,000 pelajar dan 1,800 kakitangan UniSZA akan mendapat manfaat daripada konsep kampus tanpa tunai ini," katanya.

Transaksi digital

Sementara itu, Felo Kanan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi UTM, Prof Dr Sevia Mahdaliza Idrus Sutan Nameh, berkata sebagai universiti berteraskan inovatif, keusahawanan dan global, UTM sentiasa bersedia dan ke hadapan selari dengan kehendak ekonomi digital dan keperluan Revolusi Perindustrian (Industri 4.0).

Katanya, persediaan itu termasuklah melaksanakan penggunaan teknologi baharu membabitkan transaksi secara digital melalui konsep kampus tanpa tunai yang membolehkan warga kampus membuat pembayaran perkhidmatan universiti dan membeli barangan atau makanan menggunakan e-wallet Boost yang dikendalikan oleh Axiata Digital.

"Konsep e-wallet Boost yang

dikendalikan oleh Axiata dan mungkin nanti lebih ramai pengendali lain seperti seperti Digi Wallet dan Alipay akan menyediakan proses pembayaran yang lebih mudah dan selamat pada masa depan.

"Secara tidak langsung, konsep ini mendidik pelajar yang bakal menjadi golongan profesional mengenai kepentingan dan keperluan transaksi tanpa tunai menggunakan aplikasi telefon bimbit untuk diguna pakai oleh semua lapisan masyarakat selari dengan kehendak semasa," katanya.

UTM menandatangani perjanjian kerjasama dengan pihak Axiata Digital pada 2 November 2017 untuk memperkenalkan perkhidmatan e-wallet Boost kepada seluruh warga kampus dan sudah mengadakan beberapa siri taklimat mengenai konsep berkenaan kepada pengusaha dalam kampus berkenaan.

Konsep kampus tanpa tunai akan dilaksanakan di kedua-dua kampus UTM bermula dengan kafe Scholars Inn UTM

di kampus Kuala Lumpur yang sudah menyediakan platform pembayaran e-dompet seawal Ogos tahun lalu.

Prof Sevia Mahdaliza yang juga Ketua Projek Inisiatif Kampus Tanpa Tunai dan Digital ID UTM, berkata antara cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan konsep berkenaan ialah memberi pendedahan dan kesedaran mengenai kepentingan penggunaan aplikasi digital dalam mendepani perkembangan teknologi.

e-wallet

"Konsep ini masih kurang diterima oleh sebahagian pengusaha kafe, kantin, peruncit dalam kampus yang keberatan untuk menerima sistem pembayaran e-wallet Boost yang diperkenalkan universiti walaupun insentif seperti peranti percuma ditawarkan oleh pihak Axiata Digital dan tanpa sebarang caj sepanjang tahun ini.

Sementara itu, Pengarah Jualan Section One Sdn Bhd

(anak syarikat UiTM Holdings Sdn Bhd), Nurhani Zainal Ahmad, berkata syarikat itu diberi mandat untuk melaksanakan dan memantau operasi dan promosi kampus tanpa tunai di UiTM.

"Langkah pertama pelaksanaan kampus tanpa tunai mula diperkenalkan dan digunakan di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) kampus Shah Alam dan Section 1 Xpress Mart di Intekma Resort & Convention Centre pada 22 Januari lalu.

"Aplikasi tanpa tunai juga mula dilaksanakan di UiTM Cawangan Selangor (Shah Alam, Puncak Perdana, Puncak Alam, Sungai Buloh dan Dengkil) bermula pada Februari dengan kerjasama e-wallet Boost, manakala promosi jelajah kampus mengenai konsep ini akan bermula pada Mac sehingga November 2018 dalam usaha melaksanakan aplikasi itu di seluruh kampus UiTM pada penghujung tahun ini," katanya.

info

e-wallet

→ 40 pengusaha daripada tiga kampus UniSZA, 24 dari UTM dan 60 dari UiTM sudah berdaftar dengan Axiata Digital untuk melaksanakan konsep e-wallet

→ Sehingga kini anggaran jumlah muat turun aplikasi e-wallet Boost di UiTM adalah sebanyak 2,000 pelanggan